# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

01 APRIL 2018

AHAD

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| HARIAN METRO | 'TAKUNGAN PENUH' | 2 |
| SINAR HARIAN | KEPUTUSAN PEMILIHAN CALON HAK NAJIB | 3 |



# HARIAN METRO

1/4/2018

METRO AHAD

FOTO: IZLAILY NURUL AIN HUSSEIN

# 'TAKUNGAN' PENUH

## Bumbung bahagian luar masjid runtuh selepas bocor sejak seminggu lalu



BAHAGIAN bumbung luar Masjid Taman Rinting runtuh, petang kelmarin.

Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@nstp.com.my

**Johor Bahru**

Jemaah Masjid Taman Rinting di sini, gempar apabila bumbung bahagian luar masjid itu runtuh petang kelmarin.

Insiden berlaku jam 4 petang itu bagaimanapun tidak membabitkan kecederaan.

Jemaah masjid yang enggan dikenali berkata, berlaku kebocoran pada bumbung luar masjid hampir seminggu lalu.

Katanya, ruang masjid di bawah bumbung itu ditutup untuk dilalui jemaah sejak berlaku kebocoran itu bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

"Kawasan ini memang kami sudah tutup sebab tak mahu ada jemaah lalu di bawah bumbung ini.

"Malah Jumaat pun semua solat di ruangan dalam dan atas, tiada yang solat di bahagian luar ini.

"Tak sangka pula ia runtuh. Mungkin kerana hujan beberapa hari lalu dan hujan lebat semalam (kelmarin) menyebabkan ia tidak dapat menampung air lagi lalu runtuh," katanya.

Tinjauan di masjid berkenaan mendapati kontraktor pembinaan sudah dipanggil pihak pengurusan masjid bagi menjalankan kerja pembersihan dan pembaikan.

Namun, beliau menafikan ada dakwaan yang tular di laman sosial mengatakan masjid itu runtuh.

"Bagi kami ini hal dalaman, tetapi mungkin ia tular apabila ada pihak menggunakan perkataan masjid yang runtuh, sedangkan ia hanya membabitkan bumbung di bahagian luar masjid dan tiada kecederaan mana-mana jemaah," katanya.

Di laman Facebook (FB) JB Traffic Report, seorang pengguna FB yang mendakwa dia adalah penduduk di taman itu juga berkata, kawasan bumbung runtuh itu disebabkan takungan air hujan sudah penuh.

"Kawasan yang runtuh ini disebabkan takungan air hujan penuh di atas bumbung itu. Ada lagi tempat bertakung yang masih belum diselenggara," katanya.

Seorang lagi pengguna FB mendakwa kejadian bocor itu sudah lama berlaku.

"Memang dah lama rasanya ada masalah siling itu. Tahun lalu, ada sekali singgah solat dan masa itu hujan lebat, basah lantai dan semua ruang belakang itu ada air turun dari siling," katanya.

# SINAR HARIAN

SINAR 1/4/2018

## Keputusan pemilihan calon hak Najib

PASIR GUDANG - Kuasa pemilihan calon adalah hak mutlak Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan segala keputusan yang akan dibuat diserahkan sepenuhnya kepada beliau.

Kenyataan itu dikeluarkan Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika diminta mengulas mengenai spekulasi terdapat calon daripada parti berkenaan yang akan bertanding dalam dua kerusi pada PRU14.

"Kita serahkan segala keputusan kepada Pengerusi BN.

"Semuanya adalah di tangan beliau," katanya selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Jentera BN Negeri Johor di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini, kelmarin.

Mengenai kriteria calon yang dititikberatkan, Ahmad Zahid berkata, semua aspek akan dinilai selain ditentukan melalui hasil perbincangan bersama pengerusi BN negeri dan kepimpinan parti komponen.

"Saya merasakan semua aspek akan diperincikan. Kita menilai daripada soal penerimaan, soal calon itu dikenali di kawasan dan kredibilitinya untuk jawatan tersebut.

"Bagaimanapun, di peringkat akhir nanti, perdana menteri juga akan mengadakan perbincangan sebelum memuktamadkan keputusan bersama," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menzahirkan kepuasan dan keyakinan yang tinggi terhadap jentera BN Negeri Johor di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

02 APRIL 2018

ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | BERI KEMENANGAN 3-0 BN | 2 |
| SINAR HARIAN | BIMBANG KESELAMATAN TERANCAM | 3 |



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA 2/4/18

# Beri kemenangan 3-0 buat BN

**PASIR GUDANG 1 April** - Perang mesti menang! Itu misi jentera Jalinan Rakyat UMNO Bahagian Pasir Gudang untuk memastikan kemenangan 3-0 calon Barisan Nasional (BN) di Pasir Gudang.

Nyata misi tersebut mampu dicapai dengan kerja keras yang tidak kenal jemu oleh semua petugas, khususnya jentera Jalinan Rakyat di bahagian berkenaan yang dilaksanakan sejak dahulu.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad yakin jentera Jalinan Rakyat di semua peringkat sudah bersiap sedia untuk 'bertempur' sebaik sahaja gendang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dipalu.

"Kita sambut misi yang diberikan oleh Ketua UMNO bahagian yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin supaya kita beri kemenangan 3-0 kepada BN di Pasir Gudang.

"Saya yakin dengan kerja keras ahli jentera Jalinan Rakyat selama ini, kita bukan sahaja mampu mengekalkan kemenangan di kerusi Parlimen Pasir Gudang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas, malah merampas semula DUN Johor Jaya yang dimenangi DAP pada PRU-13," katanya dalam Perhimpunan Jalinan Rakyat Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang, malam tadi.



**MOHAMED KHALED NORDIN (dua dari kanan) menyampaikan senarai penggundi PDM sambil disaksikan Normala Abdul Samad (kanan) dalam majlis Perhimpunan Jalinanan Rakyat Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang di Stadium Tertutup Pasir Gudang, malam semalam. -UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM.**

Perhimpunan yang diadakan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini dan dihadiri kira-kira 2,000 pemimpin serta ahli Wanita UMNO bahagian berkenaan dirasmikan oleh Mohamed Khaled yang juga Pengerusi BN negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas.

Normala yang juga Ketua Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang turut meminta semua ahlinya supaya mengetepikan perbezaan pendapat dan bersatu padu dalam menghadapi PRU-14.

"Kerja Jalinan Rakyat ini tak pernah habis, teruskan kita bekerja gigih bagi memenangi calon BN dan untuk parti kita.

"Kenal pasti kelemahan dan perbaiki dari sehari ke sehari. Jadi, kita teruskan dengan tugas mengenal pasti pengundi putih di kawasan Pusat Daerah Mengundi (PDM) masing-masing dan membantu masyarakat dengan khidmat terbaik," katanya.



# SINAR HARIAN

## Bimbang keselamatan terancam

*Pengguna Lebuhraya Pasir Gudang mahu masalah jalan rosak diatasi segera*

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Pengguna Lebuhraya Pasir Gudang, di sini, mendakwa keadaan permukaan jalan yang tidak rata serta berlubang menimbulkan kesulitan kepada mereka yang melalui kawasan itu setiap hari.

Keadaan ini dikhuatiri boleh mendatangkan bahaya dan kecelakaan sekiranya tidak diatasi segera.

Pengguna, Richard Ng, 50 mendakwa, keadaan berkenaan menyebabkan rim keretanya rosak dan bengkok.

"Setiap pagi dan petang saya akan memandu dari Seri Alam ke Taman Desa Cemerlang serta pusat bandar untuk menghantar dua anak saya ke kolej.

"Saya tidak mempunyai pilihan selain terpaksa memandu sahaja di jalan yang berlubang walaupun sedar ia boleh menyebabkan kerosakan pada kereta saya," katanya ketika mengadu permasalahan tersebut kepada Adun Johor Jaya, Liow Cai Tung.

Justeru itu, Richard berharap pihak yang bertanggungjawab diminta mengkaji perkara itu berikutan masalah tersebut telah berlarutan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kami khuatir masalah ini boleh menyebabkan berlaku insiden yang tidak diingini sekiranya tiada tindakan segera diambil," katanya.



Richard (kanan) bersama Chai Tung (dua, kanan) menunjukkan gambar jalan Lebuhraya Pasir Gudang yang rosak.

Pengguna lain, Sahira Zulkifli, 23, yang tinggal di Bandar Seri Alam sejak 10 tahun lalu berkata, beberapa rakannya yang menunggang motosikal ke tempat kerja terlibat dalam kemalangan akibat masalah ini.

"Kemalangan tersebut menyebabkan mereka yang tercedera.

"Saya harap masalah ini dapat diselesaikan tidak lama lagi kerana saya sendiri khuatir dengan keselamatan diri," katanya.

Sementara itu, Chai Tung mahu pihak berkuasa lebih fokus dalam menjalankan kerja-kerja naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin.

Dalam pada itu, Jurutera Awam Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi projek Lebuhraya Pasir Gudang, Azhar Yusof berkata, pegawai keselamatan dari projek tersebut akan menjalankan siasatan mengenai kemalangan yang berlaku untuk mengenal pasti puncanya.

"Kontraktor yang dilantik akan menjalankan kerja baik pulih kawasan yang terjejas.

"Kita nasihatkan juga supaya pengguna jalan raya mengikuti had laju ketika memandu," katanya.

**info**

- **Minta pihak berkaitan kaji masalah tersebut**



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 APRIL 2018

SELASA

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | IRDA LANCAR TABUNG PERKASA GOLONGAN BELIA | 2 |
| SINAR HARIAN | IMYF BANTU PERKASA BELIA | 3 |

# UTUSAN MALAYSIA

## IRDA lancar tabung perkasa golongan belia

3/4/18 utusan malaysia

**PASIR GUDANG 2 April** - Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) melancarkan Tabung Pemerkasaan Belia Iskandar Malaysia (Impower) dengan dana permulaan sebanyak RM3 juta.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang melancarkan tabung berkenaan menyifatkannya sebagai salah satu inisiatif IRDA dalam aspek pembangunan sosial di wilayah Iskandar Malaysia bagi meningkatkan penyertaan penduduk tempatan, termasuk golongan belia.

"Pembangunan yang dibawa kerajaan bersifat inklusif dan seimbang, yang manfaatnya adalah untuk semua pihak.

"Antara aspek yang akan diberi penekanan menerusi tabung ini termasuk kebajikan, sosial dan aktiviti sukarelawan," katanya semasa merasmikan Majlis Town Hall Sukarelawan Darul Ta'zim 2018 di Taman Cendana, di sini kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan; Pegawai Daerah Johor Bahru, Md. Rofiki A. Shamsudin dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri mengiktiraf peranan yang dimainkan pelbagai pihak dalam menjayakan aspirasi pembangunan di negeri ini.

"Gerakan kesukarelaan adalah satu semangat untuk memberi, untuk membantu dan berkhidmat tanpa mengharapkan balasan dan kerajaan negeri menggalakkan sikap sedemikian," ujarnya.



# SINAR HARIAN



Mohamed Khaled ketika hadir town hall SDT.

3/4/18 Sinar Harian.

## IMYF bantu perkasa belia

**PASIR GUDANG** - Kerajaan Johor melancarkan Tabung Pemerkasaan Belia Iskandar Malaysia (IMYF) bagi meningkatkan tahap sosial dan keperibadian belia di kawasan Iskandar Malaysia.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri mahu pembangunan pesat di koridor ekonomi itu berlaku seimbang dan inklusif sekali gus tidak sisihkan golongan itu.

"Dulu pernah orang kata bila pembangunan pesat kawasan Irda (Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar), mereka tak rasa apa-apa. Atas sebab itu kita banyak sediakan semua peruntukan seperti ini.

"Satu daripadanya ialah golongan belia sebab Irda juga mewujudkan tabung-tabung lain untuk golongan minoriti, untuk kita kekalkan kampung-kampung Melayu. Semua ada macam-macam," katanya kepada pemberita selepas hadir Majlis Perasmian Town Hall Sukarelawan Darul Ta'zim (SDT) di Taman Cendana, baru-baru ini.

Mohamed Khaled berkata, langkah Irda itu kerana kewujudan entiti tersebut bukan hanya melonjakkan pertumbuhan ekonomi, tetapi untuk membawa kesejahteraan dan kebaikan kepada masyarakat.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
04 APRIL 2018
RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | SASAR BAWA PENGUNDI PUTIH KELUAR AWAL MENGUNDI | 2 |



UTUSAN MALAYSIA

# Sasar bawa pengundi putih keluar awal mengundi

4/4/18 Utusan Malaysia

**PASIR GUDANG 3 April** – "Kita kena terus kerja kuat dan kenal pasti serta bawa pengundi putih keluar mengundi sebelum pukul 12 tengah hari."

Demikian pesanan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kepada Wanita UMNO negeri ini khususnya memastikan kemenangan semua calon BN pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Beliau berkata, semua jentera UMNO khususnya petugas Jalinan Rakyat juga mesti memastikan semua pengundi putih di Pusat Daerah Mengundi (PDM) masing-masing dapat menunaikan tanggungjawab mengundi dengan lancar.

"Jika ada yang masih belum keluar sehingga pukul 12 tengah hari, kita mesti cari dan bawa mereka ke pusat mengundi dengan segera," katanya semasa merasmikan Perhimpunan Jalinan Rakyat Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad yang juga Ahli Parlimen Pasir Gudang.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Besar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas turut meminta supaya jentera Jalinan Rakyat bersiap sedia dan bekerja lebih kuat kerana gendang PRU-14 akan dibunyikan dalam masa terdekat.

"Saya percaya (Perdana Menteri) Datuk Seri Najib Tun Razak akan bubar dan umumkan PRU-14 dalam masa terdekat dan kita akan mengundi sebelum umat Islam menjalani ibadah puasa pada pertengahan Mei depan," katanya.

Menurutnya, PRU-14 adalah pilihan raya yang paling sengit dalam sejarah negara ini.

"PRU-14 ini bakal menentukan hidup mati parti kita UMNO dan BN. Kalau UMNO dan BN tidak berjaya, kita bukan sahaja hilang kuasa, malah kita juga tidak dapat laksanakan apa yang dirancang untuk maju dan bangunkan lagi negeri dan negara ini," katanya.

Namun, beliau yakin dengan gerakan gelombang merah yang lebih tersusun, khususnya di Pasir Gudang, BN bukan sahaja mampu mengekalkan kemenangan di Parlimen Pasir Gudang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas dengan majoriti lebih besar, malah mampu merampas semula DUN Johor Jaya daripada DAP pada PRU14.



**MOHAMED KHALED NORDIN menerima mok cek daripada Normala Abdul Samad (kanan) dalam program Perhimpunan Jalinan Rakyat Wanita UMNO Bahagian Pasir Gudang di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.**

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
05 APRIL 2018
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | TAWAR RUMAH RM35,000 SEUNIT | 2 |



# SINAR HARIAN

5/4/18 sinar.

# Tawar rumah RM35,000 seunit

***Kerajaan negeri beri peluang 1,538 keluarga miliki kediaman disewa***

**PASIR GUDANG**

Kira-kira 1,538 keluarga di Rumah Pangsa Taman Cendana diberi tawaran untuk memiliki rumah yang disewa selama ini pada harga serendah RM35,000 seunit, sekali gus mengakhiri penantian mereka selama hampir 20 tahun untuk memiliki kediaman sendiri.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, inisiatif itu dilaksanakan menerusi Skim Sewa Beli Jauhar Prihatin.

"Kerajaan negeri berpendapat adalah wajar bagi semua golongan terutamanya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah dan harta.

"Maka, kita bersetuju dan membuat keputusan supaya Rumah Pangsa Taman Cendana yang disewa untuk dijual kepada semua penduduk," katanya ketika berucap di Majlis Pelancaran Skim Sewa Beli Jauhar Prihatin.

Skim tersebut dilaksanakan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ) melalui anak syarikat, Generasi Ta'zim Sdn Bhd (GTSB).

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ), Abdul Razak Mohd Yusof dan Pengerusi Generasi Ta'zim Sdn Bhd, Mohd Nasir Abd Salam.




Mohamed Khaled bersama penerima Skim Sewa Beli Jauhar Prihatin.

Mohamed Khaled berkata, harga rumah yang ditawarkan juga jauh lebih murah daripada harga pasaran.

"Dengan kedudukan dan lokasi yang strategik iaitu di tengah-tengah pusat pentadbiran MPPG, penilaian rumah sebenar adalah berharga antara RM60,000 hingga RM65,000 seunit.

"Tetapi kerajaan negeri sedar, kalau kita jual dengan harga begitu, tidak ramai yang dapat memiliki rumah itu. Jadi kita bersetuju untuk menawarkannya pada harga RM35,000 seunit," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga menawarkan pilihan kepada penduduk untuk terus membeli rumah tersebut atau memilih Skim Sewa Beli Jauhar Prihatin.

"Menerusi skim tersebut, ia akan membantu bakal pembeli untuk memiliki rumah mereka melalui dua peringkat iaitu penyewaan berserta tabungan selama lima tahun dan seterusnya melalui kaedah pembiayaan biasa atau menyambung secara sewa beli.

"Setiap peserta program akan membayar sewaan bulanan dan 50 peratus daripada kadar bayaran tersebut akan dijadikan tabungan sebagai bayaran kepada pembelian rumah tersebut," katanya.

Bagaimanapun, katanya, penduduk juga boleh terus menyewa dengan Setiausaha Kerajaan (Perumahan) jika tidak mahu membeli atau memilih skim sewa beli.

**info** Tawaran dibuat kepada penduduk Rumah Pangsa Taman Cendana



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
06 APRIL 2018
JUMAAT

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| SINAR HARIAN | MUHASABAH DIRI JIKA BERTEMU MAHKLUK HALUS | 2 |



# SINAR HARIAN

6/4/2018 .
Sinar

JUMAAT 6 APRIL 2018 • SINAR HARIAN

## Muhasabah diri jika bertemu mahkluk halus

**JOHOR BAHRU** – Kewujudan makhluk halus wajib dipercayai kerana ia jelas dalam al-Quran dan hadis.

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang, Noraishah Othman berkata, makhluk halus boleh menjelma dalam pelbagai bentuk.

"Mereka juga boleh masuk ke dalam badan manusia melalui darah.

"Mengikut hadis Bukhari, mereka boleh menyerupai pelbagai bentuk kecuali Rasulullah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tular video dipercayai pontianak berada di taman permainan kanak-kanak berdekatan sebuah kuarters kerajaan di bandar raya ini.

Justeru itu, Noraishah berkata, orang Islam wajib mempercayai kewujudan makhluk halus kerana ia adalah bukti keimanan kepada ALLAH.

Bagaimanapun, katanya, manusia perlu muhasabah serta memperbaiki diri sekiranya bertemu dengan makhluk halus kerana ia juga adalah salah satu bentuk ujian ALLAH.



*"Jika bertemu dengan makhluk halus kita perlu segera meminta pertolongan daripada ALLAH."*
- Noraishah

"Jika bertemu dengan makhluk halus kita perlu segera meminta pertolongan daripada ALLAH kerana ia juga sebagai ujian bagi menunjukkan keimanan kita.

"Kewujudan makhluk halus ini tidak dapat menandingi kekuasaan ALLAH kerana ALLAH sahaja yang maha berkuasa," katanya.

Ditanya bagaimana sekiranya berdepan kemungkinan bertemu makhluk halus ini, beliau menasihatkan supaya tidak panik.

"Sebaliknya, baca ayat Kursi, al-Fatihah dan tiga Qul. Kalau benar telah terjumpa makhluk halus di satu-satu kawasan, boleh buat bacaan surah Yassin secara beramai-ramai dan ayat Ruqyah. Jangan memohon pertolongan selain daripada ALLAH.

"Ini kerana syaitan dan jin sememangnya takut dengan bacaan ayat-ayat al-Quran," katanya.

Jelasnya, masyarakat Melayu selalu mengaitkan hantu dengan nama pontianak dan sebagainya.

Bagaimanapun, tambahnya, sebagai orang Islam kita tidak boleh taksub kerana khuatir ia akan menjejaskan keimanan.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

08 APRIL 2018
AHAD

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| NEW STRAITS TIMES | MUHYIDDIN TO BLAME FOR JOHOR'S HIGH WATER RATES, SAY MB | 2 |



NEW STRAITS TIMES

CORPORATISATION

8/4/18 NST

# Muhyiddin to blame for Johor's high water rates, says MB




*Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin at the groundbreaking for an affordable housing project in Plentong yesterday. With him are State Secretary Datuk Azmi Rohani (third from right), Tanjung Bintang chairman Datuk Shahir Nasir (fourth from left) and group managing director Frank Goon Swee Kheong (left).* PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

**PASIR GUDANG:** The state government yesterday blamed the corporatisation of water supply service during the administration of Tan Sri Muhyiddin Yassin as menteri besar, for the high tariffs now.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said the corporatisation exercise was carried out between 1986 and 1995.

He said the corporatisation and Muhyiddin's approval for water infrastructure project had caused the state government to be saddled with RM4.5 billion debts, which had to be taken over by the Federal Government.

"Why is water expensive in Johor? Because there was a corporatisation exercise which was started by Muhyiddin and he approved the water infrastructure project that resulted in the RM4.5 billion debt.

"(Please) review who started and allowed the construction of water infrastructure in Johor to the extent of causing the upsurge (in tariffs) because no federal allocation was used," he said at the groundbreaking for an affordable housing project involving 620 homes in Kampung Seri Makmur, Plentong here, yesterday.

Khaled said a pledge by the opposition to offer free water supply to those in the bottom 40 per cent of low-income earners (B40) in Johor had already been implemented by the state government.

"We have provided 25 cubic metres and not 10 to deserving groups including those in B40."

On another issue, Khaled said there would not be a "tsunami" of Malay voters who would abandon Barisan Nasional as claimed by Pakatan Harapan chairman Tun Dr Mahathir Mohamad.

"He (Dr Mahathir) has to make such a statement as he is aware that the opposition cannot rally sufficient Malay support."

Khaled said promises in Pakatan's election manifesto were mostly copied from what had been implemented by the state government in Johor

"If they had done their homework, they would not have made such pledges which Johor government has already done."



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
09 APRIL 2018
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | PERKASA WANITA DALAM MANIFESTO BN JOHOR | 2 |
| SINAR HARIAN | BUMBUNG MASJID ROBOH | 3 |
| BERITA HARIAN | BN JOHOR TUMPU KESEJAHTERAAN EKONOMI NEGERI | 4 |
| HARIAN METRO | ‘INI MASA PULIH PERINTAH’ | 5 |

SINAR HARIAN

# Perkasa wanita dalam manifesto BN Johor

SH 9/4/18

**PASIR GUDANG** - BN Johor mengalu-alukan manifesto BN Pusat yang mahu memberikan keutamaan kepada golongan ibu dan wanita jika diberi mandat untuk terus mentadbir kerajaan selepas PRU14 nanti.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya juga akan memastikan golongan terbabit di negeri ini tidak ketinggalan dan berupaya untuk mendapatkan kejayaan seiring dengan kemajuan dilaksanakan.

Menurutnya, melahirkan golongan berpendapatan dan berkerjaya dalam kalangan wanita juga akan menjadi pengisian manifesto BN Johor sebagai sokongan dan usaha merealisasikan pentadbiran di peringkat pusat.

"Di Johor antara tawaran yang diberikan kepada wanita adalah kita akan sediakan satu kompleks di mana wanita boleh membuat segala kegiatan dan promosi hasil produk mereka.



**Mohamed Khaled ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang ahli terbaik AIM di Pasir Gudang, semalam.**

"Kita ada cadangan supaya kawasan rehat dan rawat (RNR) di Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL) diubah jadi pusat berkenaan," katanya selepas Majlis himpunan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) - Kelab Usahawan Ikhtiar Pasir Gudang, di Dewan Mawar, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, pihaknya juga sudah mencapai persetujuan dan proses berada di peringkat tender untuk wujudkan sebuah pasar jualan khas kepada golongan wanita di Pasir Gudang.

"Kita akan bina sebuah Pasar Wanita babit peruntukan RM4juta daripada Presiden BN, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak khusus bagi keperluan wanita yang mahu berniaga," katanya.



# SINAR HARIAN



Sinar JOHOR Ayuh Johor!

EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN PENOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM & JULIANA ROSDI

## Bumbung masjid roboh

*Tiada kemalangan jiwa berlaku semasa kejadian*

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

"Ketika sedang berbual, tiba-tiba kami dengar dentuman bunyi yang sangat kuat dan kami ingat guruh," cerita Mohd Hirman Abdullah, 63.



Bumbung bahagian solat tambahan Masjid Taman Rinting yang roboh. Gambar kecil: Mohd Hirman



Keadaan ketika kejadian berlaku.

Mohd Hirman terkejut apabila dimaklumkan rakan bumbung bahagian solat tambahan Masjid Taman Rinting, di sini, yang dibina tidak sampai setahun roboh.

Bagaimanapun, kejadian yang berlaku ketika hujan lebat jam 4.10 petang itu tidak melibatkan sebarang kecederaan jiwa.

Menurut Mohd Hirman lagi, dia bersama beberapa rakan lain masih berada di pekarangan masjid setelah selesai solat Jumaat.

"Saya terkejut apabila rakan lain memaklumkan tentang kejadian sebenar yang berlaku di situ. Mujur juga kejadian tidak berlaku ketika solat Jumaat, kalau tidak pasti ada kemalangan jiwa yang berlaku.

"Saya hairan bagaimana struktur bumbung itu boleh roboh sedangkan ia dibina tidak sampai setahun," katanya.

Pada ketika ini bahagian solat tambahan masjid itu ditutup buat sementara waktu berikutan kerja-kerja pembersihan sedang dijalankan.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abd Aziz mengesahkan kejadian tersebut berlaku dan melaporkan tiada sebarang kecederaan jiwa yang berlaku disebabkan hujan lebat.

"Sehingga kini, tiada sebarang laporan polis dibuat pihak masjid dan mana-mana pihak berhubung kejadian tersebut," katanya.



# BERITA HARIAN

BH 9/4/2018

## BN Johor tumpu kesejahteraan, ekonomi negeri

**Pasir Gudang:** Manifesto Barisan Nasional (BN) Johor yang akan dibentangkan minggu ini memberi tumpuan kepada semua masyarakat, bersama usaha mempertingkat kesejahteraan penduduk dan membangunkan ekonomi negeri.

Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata antara aspek yang akan diberi perhatian, ialah golongan wanita, generasi muda, orang kurang upaya (OKU) dan FELDA.

"Kita menjangka manifesto BN Johor dibentangkan pada 14 atau 15 April ini. Ia mempunyai tajuk khusus yang tiada dalam manifesto pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kelab Usahawan Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Pasir Gudang sempena Himpunan Usahawan AIM di Dewan Taman Mawar di sini, semalam.

### Tumpu golongan wanita

Mohamed Khaled berkata, manifesto BN peringkat negeri dan pusat turut memberi tumpuan kepada golongan ibu serta wanita bagi menggandakan usaha membantu mengupayakan mereka supaya lebih berdikari dan berjaya.

"Ini adalah cara yang baik, malah di Johor, antara tawaran kita kepada golongan berkenaan, ialah mewujudkan Pasar Wanita di Taman Rinting, Masai, membabitkan kos RM4 juta menerusi peruntukan Pusat.

"Selain itu, ada perancangan untuk mengubah operasi Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Pandan sebagai pusat aktiviti dan jualan produk dihasilkan wanita. Kita akan meminta kerjasama Kerajaan Pusat selepas pilihan raya umum," katanya.



# HARIAN METRO



>>*Rakyat diseru bersatu bersama kepemimpinan Sultan Johor*

HARIAN METRO

PRU14
#jomundi

# 'Ini masa pulih perintah'

**Tunku Ismail minta rakyat tidak terpedaya terhadap individu rosakkan sistem mahu jadi PM**



Mohd Fahmi Mohd Yusof
dan Farah Dinah Hassan
news@nstp.com.my

**Johor Bahru**

Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim bertitah kepada rakyat khususnya di negeri ini untuk buka mata dan jangan tertipu dengan apa yang dikatakan oleh individu berusia 93 tahun yang ingin menjadi Perdana Menteri.

Tunku Ismail bertitah supaya rakyat jangan tertipu, buka mata, gunakan akal fikiran dan mengikut bayangan yang akan baginda berikan kerana baginda tahu apa yang rakyat tidak tahu.

"Ini masa untuk *restore the order* (pulihkan perintah) dan melaksanakannya kepada sistem yang dirosakkan individu berumur 93 tahun yang ingin menjadi Perdana Menteri sekarang ini.

"Ini masanya untuk bumi selatan mengawal setengah situasi dan memulihkan semula *order* yang dirosakkan individu yang tamakkan kuasa dan duit.

"Jangan mudah terpengaruh dan percaya dengan apa yang anda dengar semalam (kelmarin) di Pasir Gudang. Negeri Johor tidak akan pernah lupa kepada individu yang ingin membubarkan Angkatan Setia Negeri Johor (JMF) yang wujud sejak 1886 dan berangan mahu menarik kuasa Sultan Johor yang memerintah serta memperkecilkan perlembagaan negeri Johor yang wujud sebelum adanya negara bernama Malaysia," titah baginda.

Baginda berkata, Johor adalah negeri pertama yang mempunyai perlembagaan sendiri dan ia menjadi contoh kepada negara. Kadangkala kita tidak boleh menyalahkan sesebuah organisasi atau parti kerana hanya seorang yang bermasalah.

"Saya tidak lupa pada 1992 ketika saya kecil dulu dan nakal di sekolah, cikgu bercakap kepada saya, "Awak jangan main-main, awak tu kerabat diraja. Jika saya mengadu kepada Mahathir, habis awak.

> "Ini masa untuk bumi selatan mengawal setengah situasi"
> Tunku Ismail

"Begitu juga dengan kisah Prebet Adam apabila Almarhum Sultan Iskandar iaitu datuk saya yang tidak ada peluang untuk mempertegakkan diri kerana ketika zaman itu tiada kemudahan Internet, semua media dikawal kerajaan," titah baginda.

Media mengeluarkan kenyataan kononnya Prebet Adam mengamuk apabila mendapat tahu adik beliau dibunuh Sultan Johor ketika itu sedangkan Prebet Adam tiada adik lelaki dan hanya ada adik perempuan yang meninggal dunia ketika berumur dua tahun dalam tragedi rumah terbakar.

Titah Tunku Ismail dimuat naik dalam laman rasmi Johor Southern Tigers, malam kelmarin.

Tunku Ismail berkata, rakyat seharusnya tidak mudah dipermainkan dengan anasir luar yang mahu menghancurkan kedaulatan negeri itu.

"Ingatlah wahai rakyat Johor yang saya kasihi sekalian. Bersatu kita teguh bercerai kita roboh. Selagi rakyat Johor bersatu bersama-sama dengan kepemimpinan Sultan Johor termasuk saya, pelbagai perkara yang kita mahu boleh dicapai untuk masa hadapan anak cucu cicit kita.

"Jangan kita berpecah-belah dan mudah dipermainkan dengan anasir luar yang mahu menghancurkan kedaulatan negeri ini. Lihatlah apa yang saya lakukan terhadap bola sepak. Bola sepak hanya latihan. Ia ibarat saya ke *driving range* sebelum pertandingan golf sebenar.

"Jangan tukar kapal jika enjin masih berfungsi dengan baik. Jangan menukar nakhoda kapal tetapi benarkan Sultan dan saya membimbing nakhoda berkenaan demi anda.

"Ubah dan pertingkatkan apa yang perlu diubah dan apa yang perlu dipertingkatkan untuk negeri dan negara tercinta," titah baginda.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 APRIL 2018
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | MOHAMED KHALED PATUH ARAHAN PARTI | 2 |
| SINAR HARIAN | KOMITED SEDIA RUMAH RAKYAT | 3 |



# HARIAN METRO

Johor Bahru 16/4/2018 H/m

## Mohamed Khaled patuh arahan parti

"Saya akan patuh arahan parti (jika diminta bertanding kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri)," kata Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika ditanya mengenai spekulasi mengatakan beliau akan bertanding untuk kerusi Parlimen Pasir Gudang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Menteri Besar yang juga penyandang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas itu tidak menafikan banyak spekulasi wujud sebelum penamaan calon dibuat.

"Saya ingat kita tunggu pengumuman dibuat sebab selagi pengumuman tak dibuat, ia terus jadi spekulasi.

"Sekarang nak pilihan raya macam-macam spekulasi. Jadi, kita tunggu pengumuman Perdana Menteri, mungkin minggu hadapan umum calon, tarikh sebenar saya tidak tahu.

"Saya akan patuh pada arahan parti," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) Bandar Seri Alam di sini, semalam.



SINAR HARIAN

16/4/18
8/H

# Komited sedia rumah rakyat

*BN Johor mahu pastikan pembangunan seimbang jika diberi mandat*

MOH FIRDAUS YON

PASIR GUDANG

BN Johor komited menyediakan perumahan untuk rakyat sekiranya terus diberikan mandat memimpin kerajaan negeri ini lagi.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perkara tersebut bertujuan memenuhi keperluan masyarakat untuk memiliki rumah.

Menurutnya, BN juga mahu pembangunan pesat yang berlaku di negeri seimbang, inklusif dan benar-benar membawa kesejahteraan kepada rakyat.

"Antara perkara pokok yang kita berikan perhatian ialah soal penyediaan rumah mampu milik.

"Ini supaya pada akhirnya masyarakat kita hidup secara bermakna dan bermaruah," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pecah Tanah Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) Bandar Seri Alam, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, untuk menjayakan sasaran 100,000 unit rumah mampu milik terbina menjelang tahun 2023, kerajaan negeri pimpinan BN akan meneruskan dasar dan penguatkuasaan sedia ada.

Katanya, tiada sebarang cadangan untuk mengubah harga bagi Perumahan Komuniti Johor (PKJ) A, PKJ B dan RMMJ yang ditawarkan kepada rakyat negeri ini.

"Kita tidak ada cadangan untuk mengubah dasar di mana setiap pembangunan yang kawasannya melebihi lima ekar maka dasarnya 40 peratus mesti dibina rumah mampu milik.

"Kita juga akan pastikan semua pemaju mematuhi dasar itu. Jika tidak, pemaju-pemaju tersebut akan berhadapan dengan masalah untuk melaksana dan menjayakan projek-projek lain," katanya.

Jika diberikan mandat sekali lagi, beliau berkata, kerajaan negeri juga akan meneruskan dasar tidak mengenakan caj pemajuan ke atas tapak atau keluasan tanah yang membina rumah mampu milik.

Mohamed Khaled berkata, proses pengambilalihan tanah juga akan terus dilakukan dalam usaha menyediakan tanah-tanah untuk membina kediaman mampu dimiliki oleh rakyat.




Mohamed Khaled menyempurnakan perasmian Majlis Pecah Tanah RMMJ Bandar Seri Alam, semalam.

**info**
Sasar bina 100,000 RMMJ menjelang 2023.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

17 APRIL 2018
SELASA

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | POTENSI PASIR GUDANG TERUS MAJU | 2 |
| THE STAR | ENSURING CONTINUOUS PROGRESS STATEWIDE | 3 |



# SINAR HARIAN

Sinar 17/4

## Potensi Pasir Gudang terus maju

PASIR GUDANG - Potensi dimiliki Parlimen Pasir Gudang menyaksikan kawasan tersebut kini ke arah menjadi bandar baharu moden dan terancang.

Dengan kemasukan pelabur sama ada tempatan mahupun asing ke Pasir Gudang, banyak peluang pekerjaan turut terhasil.

Keadaan tersebut menjadikan ramai rakyat dari luar negeri ini, termasuklah Sabah dan Sarawak memilih Johor sebagai destinasi mencari rezeki.

Dan ini tidak terkecuali dengan tumpuan ke Pasir Gudang yang juga dikenali sebagai pusat perindustrian terpenting di selatan Semenanjung.

Di Parlimen Pasir Gudang sendiri, pembangunan dan kemajuan terus berlaku dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Ketua Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad telah melaksanakan khidmatnya sebagai ahli Parlimen yang dipilih pada PRU13.

Perkara itu diakui masyarakat di peringkat akar umbi di parlimen tersebut yang memuji khidmat diberikan oleh wakil rakyat berkenaan sepanjang sepenggal ini.

Mohd Hashim Marsidi, 58, berkata, secara peribadi dia merasakan Normala sudah melaksanakan tanggungjawab diberikan oleh rakyat di parlimen itu dengan baik.

"Apabila beliau dipilih sebagai ahli Parlimen, kita dapat lihat beliau meneruskan kesinambungan segala usaha dilakukan oleh wakil rakyat terdahulu malah meningkatkan lagi pembangunan fizikal," katanya.



MOHD HASHIM



NOORAIZAM

Sementara itu, bagi Nooraizam Rowaji, 51, warga Parlimen Pasir Gudang akan datang tidak perlu untuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) bagi mendapatkan rawatan.

"Penduduk akan menikmati apa yang diusahakan oleh wakil rakyat. Suara YB merealisasikan hasrat kami," katanya.



THE STAR

STARMETRO, TUESDAY 17 APRIL 20




Young Johoreans looking at the Johor Barisan's manifesto, which has initiatives specifically for youths. — Bernama

# Ensuring continuous progress statewide

Johor Barisan Nasional keen on making positive difference through its 230 pledges

By **MOHD FARHAAN SHAH and VENESA DEVI**
newsdesk@thestar.com.my

**GE14**
**April 28: Nomination Day**

**JOHOR BARU:** The Johor Barisan Nasional manifesto focuses on five target groups, namely young Johoreans, the Felda community, the disabled, the orang asli and women.

Dubbed Johor Hi-5, it contains 230 pledges aimed at improving the lives of Johoreans as well as ensuring the continuous growth of the state.

This includes introducing a Johor jobs for Johoreans policy and awarding initial capital of RM1,000 to RM2,000 through the young people of Johor (OMJ) initiative.

There is also a RM10,000 incentive for OMJ who further their studies in the top 20 universities in the world and the development of three youth hubs in Pasir Gudang, Kulai and Pontian.

Barisan also hopes to provide free mammogram checks for women in Johor, who are single mothers, from the low-income group and above the age of 40.

The manifesto includes a 30% quota for women as policy-makers and high-level administrators.

For the disabled people (OKUs) and orang asli community, the state plans to create a Johor Classical Orchestra in collaboration with the Malaysian Art School here.

Barisan will also introduce a natural disaster insurance scheme for those staying in high risk areas and they also hope to create 250,000 new jobs in the next five years.

On the administration side, Barisan will require the declaration of assets and properties for executive council members and state civil servants, making it compulsory for all 56 assemblymen and 5,000 local council staff to take the anti-corruption oath.

It will make it compulsory to ge public feedback as prerequisites for state government major development projects.

It was reported that Barisan aimed to make Johor not just an economic powerhouse but to be competitive as well, with countrie such as neighbouring Singapore.

Johor Mentri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said Johor would no longer be the "backyard" for any country.

"We are going to show our *taring dan belang* (fangs and stripes). The southern tigers will have a specific mission of chasing after the Lion (Singapore)," he sai at the launch of the Johor Barisan manifesto over the weekend.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
18 APRIL 2018
RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | ‘ARWAH AYAH MAHU SAYA BERJAYA’ | 2 |



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • RABU 18 APRIL 2018 17

JOHOR Ayuh Johor!

EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN PENOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM & JULIANA ROSDI

# 'Arwah ayah mahu saya berjaya'

*Mohamad Fauzi hampir ambil keputusan tidak mahu sambung belajar*

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Pernah berasa putus asa untuk belajar kerana bapa meninggal dunia seminggu sebelum memasuki universiti antara cabaran yang dihadapi seorang penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik Universiti Kuala Lumpur (UniKL), di sini, semalam.

Menurut pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Fasiliti dan Penyelenggaraan, Mohamad Fauzi Ismail, 23, perasaan itu pada mulanya hampir membuatkannya tidak menyambung pelajaran malah terpaksa dihuni perasaan murung.

Namun, semangat yang didorong ibu serta adik beradik lain akhirnya memberi sinar baharu buat anak kepada petani di Terengganu ini untuk terus mencapai kecemerlangan untuk empat tahun berturut-turut di universiti berkenaan.

"Ayah saya meninggal seminggu sebelum saya melangkah masuk ke UniKL ini, memang masa itu saya sangat terkesan dan hampir mengambil keputusan untuk tidak menyambung pelajaran.

"Paling saya sedih adalah arwah ayah saya tidak sempat melihat kejayaan saya ini, memang daripada dulu dia banyak kali pesan untuk saya habis belajar dan dapatkan ijazah kalau boleh lagi cepat lagi bagus.

"Lepas saya nak ambil keputusan macam itu, ibu melarang begitu juga adik-beradik lain dan rakan-rakan. Saya ambil dugaan itu sebagai cabaran dan berusaha sekerasnya untuk sampai ke tahap ini," katanya kepada Sinar Harian pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik UniKL Mitec 2017, di Dewan Utama UniKL Mitec, di sini, semalam.



Mohamad Fauzi (tengah) bergambar bersama Dekan UniKL Mitec, Prof Madya Dr Sairul Izwan Safie (kiri), semalam.

Untuk rekod, anak bongsu daripada sembilan beradik itu turut menunjukkan prestasi yang baik apabila memperoleh purata gred terkumpul (GPA) 3.8.

Mohamad Fauzi berkata, semangat jitu dan hasrat membalas jasa ibu bapa adalah tunjang kekuatan buatnya untuk terus mendapat keputusan yang baik dalam pengajian.

Ditanya mengenai rahsia menerima keputusan seperti itu, Mohamad Fauzi berkata, tiada apa yang istimewa pun dilakukannya hanya berpegang kepada berkat ilmu dan hubungan bersama tenaga pengajar.

"Tiada yang rahsia sangat, cuma memang saya beri fokus lebih masa belajar itu, selalu tanya pensyarah dan bincang dengan kawan-kawan," katanya.

Pada majlis berkenaan, seramai 849 pelajar cemerlang universiti berkenaan ditauliahkan sebagai penerima Anugerah Dekan untuk sesi Januari dan Julai tahun lalu.

Penganugerahan itu juga difahamkan adalah jumlah yang paling ramai dalam sejarah UniKL Mitec yang diberi berdasarkan pencapaian pelajar yang mendapat GPA sebanyak 3.5 ke atas.

Jumlah pelajar yang menerima penganugerahan itu juga turut menunjukkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus untuk sesi tahun 2016 iaitu jumlah penerima sebanyak 826 pelajar.

**info** Ayah meninggal dunia seminggu sebelum Mohamad Fauzi mendaftar di UniKL



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

24 APRIL 2018
SELASA

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| NEW STRAITS TIMES | MB TO CONTEST TWO SEATS | 2 |
| SINAR HARIAN | MOHAMED KHALED SAH TANDING DUA KERUSI | 3 |
| SINAR HARIAN | 37 MUKA BAHARU | 4 |
| KOSMO | 82 CALON PERTAHANKAN KUBU KUAT BN DI JOHOR | 5 |
| THE STAR | KHALED LEADS CHARGE IN JOHOR | 6 |



# NEW STRAITS TIMES

24/4/18
NST

## MB to contest two seats

**JOHOR BARU:** Johor Barisan Nasional chairman Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin will contest both state and parliamentary seats in the 14th General Election (GE14).

He will defend the Permas state seat, as well as return to the Pasir Gudang parliamentary seat.

He said this at the announcement of the Johor BN candidates for GE14 at the Johor Umno liaison headquarters here yesterday.

The Pasir Gudang parliamentary seat will be a homecoming of sorts for Khaled. He contested and won the seat in the 2004 and 2008 general elections.

In the 13th general election, he won the Permas state seat beating Pas' Syed Othman Abdullah by a 5,752 majority.

He was subsequently appointed as the state menteri besar.



# SINAR HARIAN

24/4/18 (SH)

## Mohamed Khaled sah tanding dua kerusi

#HebatkanNegaraku

**JOHOR BAHRU** - Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengesahkan bakal bertanding dua kerusi pada PRU14.

Beliau kembali bertanding kerusi Parlimen Pasir Gudang selain mempertahankan kerusi Dun Permas yang dimenanginya pada PRU13.

Pengumuman itu menyaksikan pemenang kerusi Parlimen tersebut pada PRU13, Datuk Normala Abdul Samad tidak dicalonkan semula.

Sebelum ini, terdapat khabar angin mengatakan Mohamed Khaled akan bertanding kerusi Parlimen dan Dun menjadi hangat dalam kalangan penyokong setia BN.

Terdapat dakwaan mengatakan pencalonan semula beliau bagi kerusi Parlimen adalah kerana kebimbangan jentera parti kerusi tersebut jatuh ke tangan pembangkang jika penyandangnya dicalonkan semula.

Ini kerana Normala pada PRU13 sekadar menang dengan hanya mendapat majoriti 935 undi.

Oleh itu, atas kredibiliti Mohamed Khaled selaku bekas Ahli Parlimen kawasan tersebut, jentera mahu beliau dicalonkan untuk PRU14.

Terdahulu, Mohamed Khaled ketika sidang media selepas merasmikan Pasar Muafakat Sabah@Johor di Bandar Seri Alam, dekat Pasir Gudang hanya mengesahkan untuk mempertahankan kerusi Dun dimenanginya.

Sementara usaha mendapatkan pengesahannya berkaitan pencalonan semulanya untuk kerusi Parlimen Pasir Gudang tidak membuahkan hasil sebelum ini.

Bagaimanapun, pada Majlis Pengumuman Calon BN Johor bagi PRU14 segalanya terjawab apabila beliau sendiri mengesahkan akan bertanding dua kerusi sekali gus menamatkan spekulasi yang hangat sebelum ini.



# SINAR HARIAN

# 37 muka baharu

24/4/18
S/A

## *BN Johor tampil lima muka baharu kerusi Parlimen, 32 kerusi Dun*

Foto: Bernama



Mohamed Khaled (depan, tengah) bergambar bersama calon BN Negeri Johor pada PRU14 yang diumumkan beliau di Ibu Pejabat Badan Perhubungan Umno, Jalan Yahya Awal, semalam.

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

BN Johor mengetengahkan 37 calon baharu bagi kerusi Parlimen dan Dun pada PRU14.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, daripada jumlah itu, lima muka baharu untuk kerusi parlimen manakala 32 bagi kerusi Dun.

"Parlimen terdiri daripada lima muka baharu bersamaan 19.2 peratus manakala Dun 32 muka baharu iaitu 57.1 peratus," katanya ketika Majlis Pengumuman Calon BN Johor bagi PRU14, semalam.

Selain itu, Mohamed Khaled berkata, daripada 82 calon BN bagi Parlimen dan Dun, sembilan daripadanya merupakan calon Wanita, dua calon Pemuda dan seorang calon Puteri.

Mengulas lanjut, katanya, Umno meletakkan 16 calon bagi kerusi Parlimen dan 35 kerusi Dun.

"MCA lapan calon Parlimen dan 15 calon Dun; MIC seorang calon Parlimen dan empat calon Dun serta Gerakan seorang calon Parlimen dan dua calon Dun.

"Daripada 20 kerusi dimenangi BN pada PRU13, 15 penyandangnya dikekalkan, dua Ahli Parlimen tidak dicalonkan semula iaitu Pasir Gudang dan Kota Tinggi, seorang calon bertukar dari Parlimen ke Dun, seorang calon berpindah Parlimen," katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, daripada 37 kerusi Dun dimenangi BN pada PRU13, 19 penyandang kekal manakala 13 Adun tidak dicalonkan semula.

"Ia membabitkan Buloh Kasap, Pemanis, Serom, Bukit Naning, Senggarang, Layang-Layang, Endau, Panti, Penawar, Larkin, Kempas, Kota Iskandar dan Kukup.

"Tiga calon berpindah bertanding di Parlimen, dua Adun tidak menawarkan diri untuk bertanding iaitu Parit Raja dan Johor Lama sementara dua calon yang tewas pada PRU13 bertanding semula di kawasan ditandingi dulu iaitu Johor Jaya dan Bekok," katanya.

**info**

Umno letak 16 calon bagi kerusi Parlimen dan 35 kerusi Dun



KOSMO

24/4/18
Kosmo

# 82 calon pertahankan kubu kuat BN di Johor



MOHAMED KHALED (depan tengah) bergambar bersama calon Parlimen dan DUN Johor selepas pengumuman dan penyerahan watikah calon PRU-14 di Johor Bahru semalam.

**JOHOR BAHRU** – Barisan Nasional (BN) Johor semalam memperkenalkan calon-calon daripada parti tersebut untuk Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dengan hampir separuh daripada mereka merupakan muka baharu.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, daripada semua 82 calon bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) itu, 45.1 peratus atau 37 calon membabitkan muka baharu.

Katanya, beliau turut mengesahkan dirinya akan bertanding bagi dua buah kerusi iaitu Parlimen Pasir Gudang dan mempertahankan DUN Permas yang dimenanginya pada PRU-13.

"Pemilihan calon BN Johor tersebut yang telah dipersetujui oleh pucuk pimpinan parti turut menampilkan sembilan orang calon Wanita, dua Pemuda dan seorang Puteri UMNO.

"Kesemua 82 calon tersebut akan memastikan kemenangan parti di 26 kerusi Parlimen dan 56 DUN yang ditandingi pada PRU-14 di negeri ini," katanya pada majlis Pengumuman Calon BN Johor dan Penyampaian Watikah Pencalonan PRU-14 di Ibu Pejabat UMNO negeri di sini semalam.

Selain Khaled, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein akan mempertahankan kerusi Parlimen Sembrong, Presiden MIC, Datuk Seri S. Subramaniam kekal di Segamat manakala Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong akan bertanding di Ayer Hitam.

Menurut Mohamed Khaled, daripada 20 kerusi Parlimen yang dimenangi pada PRU-13, seramai 15 penyandang dikekalkan manakala dua lagi tidak dicalonkan semula iaitu bekas Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad dan Kota Tinggi, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd. Harun Narrashid.

"Seorang calon bertukar daripada Parlimen Sikijang ke DUN Kamelah, seorang tidak mahu bertanding iaitu bekas Ahli Parlimen Tebrau dan seorang lagi berpindah Parlimen daripada Tenggara ke Kota Tinggi," ujarnya.

Jelasnya, bagi DUN pula, daripada 37 kerusi yang dimenangi pada PRU lalu, 19 orang penyandang dikekalkan, tiga calon berpindah bertanding ke Parlimen dan dua orang tidak menawarkan diri iaitu ADUN Parit Raja dan Johor Lama.

"Dua calon yang tewas pada PRU lalu bertanding semula di kawasan sama iaitu DUN Johor Jaya dan Bekok manakala 13 lagi bekas ADUN tidak dicalonkan semula," ujarnya.



THE STAR



24/4/18
T/S

# Khaled leads charge in Johor

## Mentri Besar to stand in both state and parliamentary seats

By NELSON BENJAMIN, MOHD FARHAAN SHAH, STEVEN DANIEL and ZUNAIRA SAIEED
newsdesk@thestar.com.my



**Blue wave:** Dr Wee (centre) flanked by Mohamed Khaled and Dr Subramaniam with the line-up of Johor's Barisan GE14 candidates at the state Umno headquarters in Johor Baru.

**JOHOR BARU:** Mentri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin will lead the charge for Barisan Nasional in GE14 by taking on a state and parliamentary seat.

He has been slated to contest his Permas state and the Pasir Gudang parliamentary constituencies.

Mohamed Khaled is the only Barisan candidate who will be contesting two seats in Johor. The state has 26 parliamentary and 56 state seats.

Umno will be battling it out in 16 parliamentary and 35 state seats while MCA will go for eight parliamentary and 15 state seats, MIC (one parliamentary and four state seats) and Gerakan (one parliamentary and two state seats).

Mohamed Khaled, who presented the appointment letters (*surat watikah*) to the candidates yesterday, urged them to work hard to ensure victory.

Johor Barisan, he said, was fielding at least 37 new candidates (or 45% of the state and parliamentary seats).

From the 20 seats won by Barisan in GE13, he said at least 15 of the incumbents had been maintained while two others from Pasir Gudang (Datuk Normala Abdul Samad) and Kota Tinggi (Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid) had been dropped.

**GE14**
**April 28: Nomination Day**

Out of the present exco members, at least four have been dropped.

The exco members switched include Datuk Ayob Rahmat to the Sekijang parliamentary and Ismail Mohamed to the Pagoh parliamentary seat. Also switched from state seat to parliament is Adham Baba, who will now contest in Tenggara.

The two exco members dropped are Asiah Ariff (Johor Lama) and Abd Mutalip Abd Rahim (Layang-Layang). Jasa director-general Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, who previously contested the Batu Pahat parliamentary seat, has been dropped and replaced with lawyer Harliza Abdullah.

As for the state seats, Mohamed Khaled said that 19 incumbents had been retained while 13 assemblymen were not renominated. There will be 10 women candidates.

Johor Barisan secretary Datuk Md Jais Sarday said all Barisan candidates had been vetted in the past six months to ensure there would be no situation that could lead to any disqualification on technical grounds on nomination day.

Jais also urged those who had been dropped to cooperate and help the chosen candidates.

Asked why Mohamed Khaled was going for two seats, he said it was a decision from the top leadership.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 APRIL 2018
SABTU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| KOSMO | MISI TEWASKAN PEMBANGKANG | 2 |
| SINAR HAIRAN | MESTI MENANG 3-0 | 3 |



# KOSMO



BN Johor beri amaran pertempuran sengit di Parlimen Pasir Gudang

## Misi tewaskan pembangkang

**JOHOR BAHRU –** Barisan Nasional (BN) Johor bertekad akan mengekalkan kerusi Parlimen Pasir Gudang pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) selain menang di dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di situ.



MOHAMED KHALED

Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin berkata, PRU kali ini merupakan yang sangat sengit dan pembangkang meletakkan harapan tinggi untuk menawan Johor termasuklah di Pasir Gudang.

"Kita tahu kerusi Parlimen Pasir Gudang merupakan fokus dan tumpuan pembangkang kerana mereka kenal pasti ini sebagai kawasan marginal, tetapi pada PRU kali ini kita akan buktikan mereka tersilap percaturan.

"Bagi BN Johor, misi kita pada PRU kali ini ialah hendak menewaskan semua pemimpin utama parti pembangkang dengan keputusan 3-0 iaitu menang di Pasir Gudang, DUN Permas dan DUN Johor Jaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan jentera BN Pasir Gudang di Dewan Serbaguna Johor Jaya di sini semalam.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Besar diperkenalkan sebagai calon Parlimen Pasir Gudang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas manakala Datuk Tan Cher Puk pula calon DUN Johor Jaya.

Kira-kira 1,000 jentera BN Pasir Gudang hadir pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, Mohamed Khaled turut mengingatkan jentera BN di kawasan tersebut agar berkempen secara sopan.



SEBAHAGIAN daripada penyokong BN yang hadir pada majlis pelancaran jentera pilihan raya BN Pasir Gudang di Johor Bahru semalam.



# SINAR HARIAN



# Mesti menang 3-0

## *BN Pasir Gudang sedia gempur pembangkang*

MOHD FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU



Mohamed Khaled ketika melancarkan jentera pilihan raya Pemuda BN Pasir Gudang.

Lebih 1,000 jentera BN Pasir Gudang hadir pada Majlis Memperkenalkan Calon BN Pasir Gudang bagi PRU14 di Dewan Serbaguna Johor Jaya, malam kelmarin.

Selain itu, turut diadakan pelancaran jentera pilihan raya Pemuda BN Pasir Gudang.

Pada majlis tersebut, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin diperkenalkan sebagai calon kerusi Parlimen Pasir Gudang dan Dun Permas.

Manakala Datuk Tan Cher Puk pula diperkenalkan kepada jentera sebagai calon Dun Johor Jaya. Mohamed Khaled dalam ucapannya memuji semangat jentera yang disifatkan belum pernah dilihatnya sebelum ini.

"Perkumpulan kita pada malam ini adalah cerminan manifestasi betapa kuatnya kita di Pasir Gudang. Ia juga menggambarkan bahawa kita semua sudah bersiap sedia untuk menggempur pihak pembangkang.

"Pendek kata kita berkumpul pada malam ini adalah untuk kita nyatakan kepada semua, kepada dalam kalangan kita dan mereka di luar sana lebih-lebih lagi pembangkang bahawa kita sudah bersedia berhadapan pilihan raya," katanya.

Mohamed Khaled berkata, PRU kali ini merupakan pilihan raya yang sangat sengit dan pembangkang meletakkan harapan tinggi untuk menawan Johor termasuklah Pasir Gudang.

"Kita tahu Pasir Gudang ini merupakan fokus dan tumpuan mereka kerana mereka kenal pasti Pasir Gudang sebagai kawasan marginal. Tetapi PRU kali ini, kita akan buktikan mereka tersilap percaturan.

"Malah untuk Johor, pilihan raya kali ini, kita nak pastikan supaya kita dapat mengalahkan semua pemimpin utama parti pembangkang," katanya.

Beliau berkata, pucuk pimpinan BN sudah menetapkan dan mengenal pasti calon untuk mewakili parti di seluruh negara termasuklah Johor dan Pasir Gudang.

"Kita menerima dan menyambut baik keputusan yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan kerana kita semua adalah orang parti dan kita akan patuh ketetapan parti.

"Apa pun, siapa pun, yang penting kita mesti menang. Bila kita sudah masuk perang, kita mesti menang," katanya.

Dalam ucapan sama, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Ketua Wanita Umno Bahagian Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad di atas sumbang bakti sepanjang menjadi Ahli Parlimen Pasir Gudang pada penggal lalu.

"Kita sesungguhnya amat terhutang budi dan berterima kasih, malah kita percaya atas semangat kepartian beliau akan terus sama-sama berjuang untuk memenangkan parti.

"Apa pun saya berharap kita jadikan sebagai matlamat dan objektif kita dalam PRU14, untuk kawasan Pasir Gudang kita mesti menang 3-0," katanya.

Sebagai Pengerusi BN Johor, beliau juga mahu BN mencapai kemenangan besar di seluruh negeri ini.

**info** PRU14 dijangka paling sengit dan BN mahu kekal kemenangan di Parlimen Pasir Gudang



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

29 APRIL 2018
AHAD

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | KHALED DITENTANG 4 PENJURU | 2 |
| BERITA HARIAN | JOCK TANDING BEBAS SINDIR DASAR KRONISME DAP | 3 |
| BERTA HARIAN | CALON PERTANDINGAN EMPAT PENJURU | 4 |
| SINAR HARIAN | MAHU BELA NASIB RAKYAT | 5 |
| SINAR HARIAN | TAK GENTAR CALON HEAVYEWEIGHT | 6 |
| THE STAR | KHALED FACES MULTI-CORNERED FIGHTS IN BOTH SEATS | 7 |



# HARIAN METRO




**MOHAMED KHALED NORDIN diiringi para penyokong menuju ke pusat penamaan calon di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Johor semalam. - MINGGUAN/BAAZLAN IBRAHIM**

H/M 29/4/18

## Khaled ditentang 4 penjuru

**PASIR GUDANG 28 April** -Kehadiran dua calon Bebas menyaksikan pertandingan di kerusi Parlimen Pasir Gudang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas lebih menarik.

Lebih mencuri tumpuan, dua kerusi yang ditandingi Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin itu melibatkan saingan empat penjuru pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Di kerusi Parlimen Pasir Gudang, beliau ditentang calon PKR, Hassan Abdul Karim; PAS, Ab. Aziz Abdullah dan calon Bebas, Chee Jock.

Ketibaan Chee Jock, 70, di pusat penamaan calon di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini nyata menjadi tumpuan ramai, khususnya dalam kalangan petugas media kerana beliau calon yang pertama mengemukakan kertas pencalonan pukul 9.02 pagi.

Tauke barangan plastik yang juga bekas Pengerusi DAP Johor Bahru itu ketika ditemui mengakui kecewa dengan DAP kerana menjadi parti 'koncu-koncu', iaitu hanya mementingkan rakan-rakan pemimpinnya.

"Saya bertanding ini kerana saya mahu tentukan sendiri nasib politik saya selepas keluar daripada DAP pada 2015. Saya akan berkempen dari kedai ke kedai untuk berjumpa pengundi," katanya yang akan menggunakan lambang kereta.

Sementara itu, di kerusi DUN Permas, Mohamed Khaled yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri turut ditentang calon PKR, Datuk Che Zakaria Mohd. Salleh; PAS, Ab. Aziz Abdullah dan calon Bebas, Rohani Yaacob.

Rohani, 34, yang merupakan anak kelahiran Temerloh, Pahang bertanding kerana mahu suara orang muda didengari.

"Saya akan perjuangkan suara orang muda, khususnya dalam aspek pekerjaan yang kini banyak dimonopoli warga asing," katanya yang masih solo.

Dalam pada itu, DUN Johor Jaya pula menyaksikan pertandingan tiga penjuru antara calon BN, Datuk Tan Cher Puk dengan penyandangnya, Liow Cai Tung yang mewakili PKR dan calon PAS, R. Kumutha.

Nama kesemua calon di kerusi Parlimen Pasir Gudang, DUN Permas dan DUN Johor Jaya diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya Parlimen Pasir Gudang, Hasrin Kamal Hashim kira-kira pukul 11 pagi.



# BERITA HARIAN

## Jock tanding Bebas sindir dasar kronisme DAP

B/H 29/4/18

**Pasir Gudang:** Calon Bebas Parlimen Pasir Gudang, Sey Jock, memilih menjadi calon Bebas kerana kecewa dengan apa yang didakwa sebagai amalan kronisme dalam DAP.

Bekas Pengerusi DAP Cabang Johor Bahru itu berkata, perkara utama yang mendorongnya bertanding sebagai calon Bebas disebabkan kecewa terhadap dasar pilih kasih yang didakwa dilakukan partinya sebelum ini.

"Saya bertanding adalah untuk buktikan kepada DAP sebab parti itu sekarang ini hanya penuh dengan konco yang dipilih, saya sudah malas dengan pucuk pimpinan parti itu.

"Untuk bertanding ini sudah lama saya fikirkan, sejak tahun lalu lagi. Buat masa ini tiada apa yang ingin dijanjikan, tapi kalau sudah menang saya mahu rakyat datang dan beritahu apa mereka perlukan saya akan bantu," katanya.

Beliau ditemui selepas penamaan calon di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), di sini, semalam.

Jock bakal menentang calon Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, selain Pengerusi PKR Johor, Hassan Abdul Karim dan calon PAS, Ab Aziz Abdullah.

> Saya bertanding adalah untuk buktikan kepada DAP sebab parti itu sekarang ini hanya penuh dengan konco yang dipilih"
>
> **_Sey Jock,_**
> _Calon Bebas Parlimen Pasir Gudang_

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]



***Antara calon Parlimen dan DUN yang bertanding** pada proses penamaan calon di stadium tertutup di Pasir Gudang, semalam.*

### Bawa suara orang muda

Sementara itu, seorang lagi calon Bebas, Rohani Yaacob, 34, yang bertanding untuk kerusi DUN Permas, memilih untuk bersaing di kawasan itu bagi membawa suara orang muda.

"Saya nak bertanding kerana mahu bawa suara orang muda. Kalau kita tengok sekarang semua yang ada di sini adalah calon berumur dan kurang memahami nasib yang orang muda hadapi.

"Pasir Gudang kita lihat industrinya semakin dimonopoli pekerja asing, sudah semestinya peluang pekerjaan adalah yang saya mahu tekankan dalam kempen kali ini," katanya.



# BERITA HARIAN

7 **Calon pertandingan empat penjuru** *bagi Parlimen Pasir Gudang dan DUN Permas serta pertandingan tiga penjuru bagi DUN Johor Jaya di Pasir Gudang.*

B/14
29/4/18






SINAR HARIAN

# Mahu bela nasib rakyat

SH 29/4/18

*Pas komited fokus pembangunan sosiokonomi penduduk*

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Pembangunan sosioekonomi dan kepentingan rakyat berpendapatan rendah menjadi agenda utama tawaran calon Gagasan Sejahtera Johor untuk kerusi Parlimen dan Dun di Pasir Gudang dalam PRU kali ini.

Calon kerusi P159 Parlimen Pasir Gudang dan N43 Dun Permas, Ab Aziz Abdullah berkata, perkara itu telah dititikberatkan pihaknya sejak beberapa tahun lalu sepanjang penglibatannya dengan aktiviti kemasyarakatan di kawasan berkenaan.

"Saya memang dah lama bergerak dalam Parlimen Pasir Gudang ini, jadi mungkin kredibiliti yang ada itu membuat pimpinan parti pilih saya untuk bertanding di kawasan ini.

"Bila dengar keputusan suruh saya bertanding kerusi Parlimen dan Dun Permas ini, memberi satu kesan yang besar kepada diri saya berusaha dan merapati lagi masyarakat di luar sana terutama berada di bawah," katanya selepas



KUMUTHA



AB AZIZ

Majlis Penamaan Calon Parlimen Pasir Gudang, di sini, semalam.

Ab Aziz berkata, pelantikannya sebagai calon di dua kerusi itu juga membawa misi Pas yang sentiasa komited dalam membantu masyarakat susah, sekali gus memberikan perubahan nilai kehidupan kepada mereka.

"Pas negeri juga mempunyai visi ini dan mahu nasib golongan seperti ini dibela. Kita juga melihat pembangunan rakyat di bawah dan kebajikan menjadi tunjang utamanya.

**info** Kumutha merupakan satu-satu calon India yang bertanding atas tiket Pas Johor

"Tawaran yang kita berikan itu adalah seperti pemberian air percuma, kita membantu rakyat miskin dalam pembelajaran seperti tuisyen percuma, dan pengangkutan awam percuma untuk anak-anak mereka ke sekolah atau sebagainya. Sebab bila saya berada di bawah sana, ini lah yang berlaku dalam masyarakat," katanya.

Sementara itu, seorang lagi calonnya, R Kumutha yang bertanding di kerusi N42 Dun Johor Jaya melihat Pas mempunyai peluang yang besar untuk menaunginya.

"Dalam Pas kita ada DHPP yang mana ia disertai ahli daripada pelbagai agama dan latar belakang.

"Kita mempunyai matlamat di sini iaitu sekiranya Pas diberi mandat untuk mentadbir kawasan ini, semua kaum boleh bersama kerana parti ini berkhidmat untuk semua," katanya.

Katanya, Pas tidak akan mengasingkan sesiapa kerana komited mengamalkan keadilan untuk semua kaum.

"Kita tak asingkan sesiapa dan atas sebab itu dari PRU 2008 hingga sekarang saya masih bersama Pas.

"Walau dua kali saya gagal saya masih beristiqamah sebab berdasarkan Islam ini adil untuk semua," katanya.



# SINAR HARIAN



**Sinar JOHOR** *Ayuh Johor!*

EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN PENOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM & JULIANA ROSDI

## Tak gentar calon heavyweight

*2 calon bebas hangatkan pertandingan 4 penjuru di Pasir Gudang*

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Pertembungan antara BN, PKR dan Pas bagi merebut kerusi Dun dan Parlimen di Pasir Gudang dihangatkan lagi dengan kehadiran dua calon bebas pada PRU14 nanti.

Dua calon berkenaan adalah bekas Pengerusi DAP Cabang Johor Bahru, Sey Jock, 70, yang bertanding untuk kerusi P159 Parlimen Pasir Gudang dan seorang ahli perniagaan wanita, Rohani Yaacob, 34, bagi kerusi N43 Dun Permas.

Sey Jock yang bertanding melawan calon *heavyweight* seperti Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Pengerusi PKR Johor, Hassan Abdul Karim nyata tidak gentar memberi saingan.

Dakwanya, beliau bertanding sebagai calon bebas pada PRU14 kali ini kerana kecewa dengan dasar pilih kasih parti lamanya.

Katnya, beliau bosan dengan pucuk pimpinan parti berkenaan.

"Saya bertanding kali ini adalah untuk buktikan kepada DAP yang parti itu sekarang ini hanya penuh dengan 'konco' sahaja yang dipilih.



ROHANI



SEY JOCK

"Saya dah fikirkan sejak setahun yang lepas untuk bertanding bebas. Buat masa ini saya tiada apa yang ingin dijanjikan tapi kalau dah menang saya mahu rakyat datang dan bagitahu apa mereka perlukan saya akan bantu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Rohani berkata, Yaacob yang bertanding untuk kerusi Dun Permas berkata, beliau memilih untuk bersaing di kawasan itu kerana mahu membawa suara orang muda.

"Kalau kita tengok sekarang semua yang ada di sini adalah calon berumur dan kurang memahami nasib dihadapi orang muda," katanya.

Selain itu, katanya, beliau juga mahu perjuangkan nasib pekerja tempatan di kawasan berkenaan.

"Macam Pasir Gudang kita tengok industrinya semakin dimonopoli pekerja asing.

"Sudah semestinya peluang pekerjaan adalah yang saya mahu tekankan dalam kempen kali ini," katanya.

Terdahulu, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengesahkan kerusi Parlimen Pasir Gudang dan Dun Permas akan berdepan dengan saingan empat penjuru.

Senarai calon diumum oleh Pegawai Pengurus Pilhanraya Pasir Gudang, Hasril Kamal Hashim di Stadium Majlis Perbandaraan Pasir Gudang (MPPG), semalam.

**info** Calon bebas kerusi Parlimen bekas ahli DAP

Calon yang bertanding bagi kerusi Parlimen Pasir Gudang ialah Mohamed Khaeled, Hassan Abdul Karim, Abdul Aziz Abdullah (Pas) dan Sey Jock (bebas).

Manakala kerusi bagi N42 Dun Johor Jaya pula calon-calonya ialah R Kumutha (Pas), Tan Cher Puk (BN) dan Liow Cai Tung (PKR).

Bagi Dun Permas pula, Mohamed Khaled sekali lagi bertanding menentang Ab Aziz (Pas), Datuk Seri Che Zakaria (PKR) dan Rohani.

Tiada penolakan permohonan dibuat semasa penamaan calon.



# THE STAR

## Khaled faces multi-cornered fights in both seats

29/4/18

**PASIR GUDANG:** Mentri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin will be fully stretched as he faces multi-cornered fights in the two seats he is contesting.

For the Permas state seat that he is defending, he will face off with Datuk Seri Che Zakaria Mohd Salleh of PKR, Ab Aziz Abdullah of PAS and Independent candidate Rohani Yaacob.

And it is the same scenario for the Pasir Gudang parliamentary seat, where he is pitted against Ab Aziz Abdullah of PAS, state PKR chief Hassan Abdul Karim and Independent candidate Chee Jok, a former Johor Baru DAP chairman.

It is the first time that a Johor MB will be going for a parliamentary seat at the same time.

"I hope the campaign period will be smooth to give the people an opportunity to make the right decision.

"Barisan Nasional is contesting all state and parliamentary seats, and we feel upbeat about getting a better result in GE14," Mohamed Khaled said.

Elsewhere, there are also three-cornered fights for the Johor Jaya state seat where incumbent Liow Chai Tung of PKR will face Barisan's Datuk Tan Cher Puk of MCA and PAS' R. Kumutha.

In the hot seat of Iskandar Puteri (previously Gelang Patah), DAP advisor Lim Kit Siang squares off against MCA's Datuk Jason Teoh Sew Hock in a straight fight.

A three-cornered fight for the Skudai seat fizzled out after Independent K. Kanafatty, 50, withdrew.

In Segamat, MIC president Datuk Seri Dr S. Subramaniam will defend his seat against Datuk Seri Santhara Kumar R. Ramanaidu of PKR and PAS' Khairil Faizi Ahmad Kamil.

"It will be a good fight, and we will win based on our service to the people here," said Dr Subramaniam, who first won the seat in 2004.

As for the Buloh Kasap and Jementah state seats in the Segamat parliamentary constituency, which are being contested by Umno's Datuk Zahari Sarip and MCA's Chiam Yok Meng respectively, Dr Subramaniam said their chances looked bright.

